

JOHAN (kiri)  
menerima  
sumbangan  
Tabung Wira  
Lahad Datu  
Media Prima  
daripada  
Prof Dr  
Hashim.



## UTHM sumbang RM11,340

**Batu Pahat:** Tabung Wira Lahad Datu Media Prima (TWLDMP) terus mendapat sokongan apabila pelbagai pihak tampil menghulurkan bantuan sebagai tanda prihatin terhadap pengorbanan anggota pasukan keselamatan menentang penganas di Lahad Datu, Sabah.

Terbaru, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyerahkan sumbangan RM11,340 sempena Malam Puisi Daulat Tanah Air di kampusnya di sini, malam kelmarin.

Sumbangan hasil kutipan warga UTHM itu diserahkan Pemangku Timbalan Naib

Canselor Akademik dan Antarabangnya Prof Dr Hashim Saim kepada Pengerusi Media Prima Bhd (Media Prima) Datuk Johan Jaaffar pada majlis yang turut dihadiri Ketua Polis Johor Datuk Mohd Mokhtar Mohd Shariff.

Hadir sama, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan (DBPWS) Abd Rahim Omar serta Ketua Satu Persatuan Penulis Johor (PPJ) Amiruddin Md Ali Hanafiah.

Pada majlis sama, UMNO Bahagian Sri Gading turut menyalurkan sumbangan RM5,000 kepada tabung itu disampaikan Ketua Pemuda-nya Ahmad Fuad Sarbini.

TABUNG WIRA  
LAHAD DATU  
MEDIA PRIMA

media prima

AKAUN MAYBANK  
5142-7133-9000